



---

**KHAMIS, 26 MAC 2020  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**PENGOPERASIAN SISTEM KAPAL UDARA TANPA PEMANDU (UAS)/  
DRON & PENGANGKUTAN BAHAN BERBAHAYA MELALUI UDARA YANG  
MEMERLUKAN KEBENARAN PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM  
MALAYSIA**

**Kebenaran untuk Mengendalikan UAS/ Dron**

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) ingin memberi penekanan bahawa semua operator UAS/dron perlu mematuhi Peraturan 140-144, yang terdapat dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam Malaysia 2016 (MCA 2016). Semua operator dron adalah dikehendaki untuk memperolehi kebenaran daripada pihak CAAM terlebih dahulu sebelum menerbangkan dron walaupun dalam tempoh penularan wabak COVID-19 ini. Peraturan-peraturan tersebut adalah terpakai kepada SEMUA OPERATOR UAS/DRON termasuk untuk tujuan pengawasan, penyiaran, komersial, rekreasi dan lain-lain aktiviti.

CAAM ingin menegaskan bahawa mana-mana pengoperasian UAS/dron yang dijalankan tanpa kebenaran CAAM boleh membahayakan pengguna ruang udara yang lain seperti pesawat dan memudaratkan keselamatan orang awam.

Justeru itu, CAAM ingin menyarankan supaya operator dron untuk mengemukakan permohonan kebenaran untuk mengoperasikan UAS/dron kepada CAAM dengan menggunakan borang yang boleh dimuat turun melalui laman web rasmi CAAM. Maklumat lanjut mengenai prosedur dan keperluan permohonan boleh dirujuk melalui pautan seperti berikut:

<http://www.caam.gov.my/sectors-divisions/flight-operations/unmanned-aircraft-system-uas/>

Mana-mana individu atau pertubuhan perbadanan yang menyalahi peraturan dengan mengoperasikan UAS/dron tanpa kebenaran CAAM akan dikenakan penalti dan/atau sabitan. Penalti termasuk denda minima sebanyak RM50,000 dan/atau penjara selama 3 tahun untuk individu atau denda tidak melebihi RM100,000 untuk pertubuhan perbadanan, jika didapati bersalah.

### **Kebenaran untuk Pengangkutan Bahan Berbahaya Melalui Udara**

CAAM juga ingin menasihati bahawa pengangkutan bahan berbahaya (contohnya, sampel biologikal) melalui udara adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan 132 dan 133, MCAR 2016 serta memerlukan operator untuk memohon permit pembawaan bahan berbahaya. Pengangkutan bahan berbahaya tanpa penilaian yang menyeluruh oleh CAAM boleh mengakibatkan kemalangan dan menjejaskan keselamatan awam.

Mana-mana individu atau pertubuhan perbadanan yang menyalahi peraturan dengan menghantar atau membawa bahan berbahaya melalui udara tanpa kebenaran CAAM akan dikenakan penalti dan/atau sabitan. Penalti termasuk denda minima sebanyak RM50,000 dan/atau penjara selama 3 tahun untuk individu atau denda tidak melebihi RM100,000 untuk pertubuhan perbadanan, jika didapati bersalah.

**PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA**

**26 MAC 2020**